

11/10/2003

Penganalisis politik mula buat pelbagai ramalan

Mohd Azlan Jaafar

ADA beberapa persamaan di antara tukang telek nombor ekor, penganalisis pasaran saham dan politik. Mereka dianggap pakar atau berkelayakan dalam bidang masing-masing. Menjangka dan menganalisis sesuatu adalah kepakaran mereka.

Selalunya, walaupun tekaan mereka tersasar, mereka mempunyai pelbagai alasan kukuh bagaimana keadaan semasa bertitik tolak daripada tekaan awal. Jarang mereka mengaku kesalahan yang dibuat.

Apa yang lebih nyata, jika mereka yakin dengan apa yang bakal berlaku, mereka akan menjadi antara orang terkaya di negara ini. Tidak perlu untuk meminta projek dan kontrak kerajaan.

Jika seorang penelek nombor ekor pasti sesuatu nombor akan menang cabutan seterusnya, bukankah perkara paling rasional dan logikal yang dibuat adalah membelinya sendiri. Sebaliknya dia akan mengadakan acara menurun di sebuah pokok rendang di tengah malam dan menjual nombor itu kepada "pelanggannya".

Jika seorang penganalisis pasaran saham pasti saham mana yang akan naik, tidakkah dia akan mengaut keuntungan sendiri. "Rule of thumb" atau kata-kata "hikmah" mana-mana penganalisis atau remisier saham adalah beli masa murah dan jual masa tinggi.

Tetapi ketika kemuncak krisis ekonomi 1997/98 yang mana pasaran saham merudum ke paras kurang daripada 250 mata, kebanyakan penganalisis pasaran saham tidak berani mencadangkan kepada pelanggannya supaya membeli saham. Malah mereka adalah yang terakhir di dunia yang akan membeli saham.

Penganalisis politik pula adalah golongan yang dianggap menggunakan kaedah paling saintifik selepas penganalisis saham. Mereka peka kepada persekitaran. Setiap yang berlaku dianalisis dari semua segi dan aspek.

Setiap mesyuarat yang membabitkan pemimpin dan bakal pemimpin serta yang bercita-cita untuk memimpin diberikan tafsiran. Malah kehadiran atau tidak individu tertentu menjadi bahan analisis.

Dengan perubahan kepemimpinan negara semakin hampir, penganalisis politik semakin ghairah. Golongan ini lebih penting selepas penganalisis pasaran saham yang sibuk meraikan indeks komposit mencecah tahap tertinggi dalam tempoh hampir 17 bulan.

Pelbagai ramalan dan senario politik menjadi agenda penganalisis politik. Ini kerana pengambilalihan tampuk kepemimpinan negara oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meninggalkan vakum di beberapa kedudukan.

Ini ditambah dengan jangkaan pilihan raya yang bakal menyusul, bakal calon yang menjadi pilihan dan barisan anggota Kabinet. Siapa yang kekal dan siapa yang mengucapkan selamat jalan.

Pada segenap peringkat, cawangan dan bahagian, parti mewakili Melayu atau bukan Bumiputera, pembangkang atau wakil kerajaan, semuanya menjadi topik analisis.

Tumpuan kini adalah di Putrajaya. Perubahan kepemimpinan menyaksikan koridor kuasa Jabatan Perdana Menteri beralih tangan. Pada masa sama, ramai yang menunggu dalam barisan untuk menterjemahkan niat masing-masing kepada bakal Perdana Menteri, dan ramai yang berbaris sudah menemui Pak Lah di sini.

Mereka yang sebelum ini jarang dilihat, kini muncul dalam jadual harian atau majlis yang dihidirinya. Malah dalam lawatan Pak Lah ke China, seorang pegawai diplomatik memberitahu tokoh korporat beria-ria sehingga

merayu untuk dimasukkan dalam delegasi berkenaan.

Malah lawatan itu mendapat liputan kira-kira 15 organisasi media. Untuk negara yang didakwa mengekang kebebasan media, jumlah itu membuktikan media masih hidup. Kepulangan Timbalan Perdana Menteri juga disambut meriah.

Setengah pihak berkata perubahan adalah pasti tetapi apa yang bakal berubah hanya diketahui dalam beberapa bilik di tingkat empat Kompleks Putra Perdana.

Dalam beberapa bulan ini dapat ditentukan siapa yang lebih bijak antara tukang telek, penganalisis pasaran saham dan cerdik pandai politik. Atau ada antara tiga profesion ini mungkin harus menimbang untuk mencari pekerjaan lain untuk menyara kehidupan.